

PAS DITAWAR BAK KE BN

Untuk elakkan perpecahan ummah: Dr M

BESUT, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini membuat tawaran terbuka kepada PAS menyertai semula Kerajaan Barisan Nasional demi mengelakkan perpecahan umat-umat Islam di negara ini.

Selaku pengerusi Barisan Nasional, Perdana Menteri berkata, tawaran untuk PAS itu masih terbuka kerana Barisan Nasional tidak pernah mengisir PAS keluar darinya.

"Beberapa kali telah saya tawarkan kepada PAS supaya menyertai semula Barisan Nasional, tetapi ditolak bulat-bulat oleh pemimpin-pemimpin PAS.

"Bagaimanapun, tawaran itu tetap terbuka kerana UMNO sebagai sebuah parti Islam yang terbesar dan pertama di negara ini, tidak mahu umat Islam berpecah belah," ujar Perdana Menteri.

Berucap dalam satu perjumpaan dengan ahli-ahli UMNO Bahagian Besut di Dewan Orang Ramai di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata,

**Oleh AHMAD NAZRI ABDULLAH
dan ZAHANY SULONG**

keengganan pemimpin-pemimpin PAS bekerjasama dengan UMNO semata-mata disebabkan setengah-setengah pemimpinnya tamak dan gelojoh.

"Pemimpin-pemimpin PAS tidak mahu ahli-ahli PAS bekerjasama dengan UMNO dan ini

amat mendukacitakan kerana orang-orang PAS adalah saudara kita sesama Islam," tegasnya.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, sekiranya ahli-ahli PAS dibenarkan mengikuti ceramah dan penerangan UMNO, mereka akan berubah fikiran kerana hakikat perjuangan UMNO adalah untuk faedah umat-umat Islam juga.

PAS menyertai Barisan Nasional pada 1974. Bagaimanapun, akibat krisis PAS di Kelantan, parti itu menarik diri dari Barisan Nasional.

Bagi Perdana Menteri, penarikan diri PAS dari Barisan Nasional disebabkan oleh pemimpin-pemimpinnya sendiri, bukan kehendak ahli-ahli PAS.

Bagi Perdana Menteri, penarikan diri PAS dari Barisan Nasional disebabkan oleh pemimpin-pemimpinnya sendiri, bukan kehendak ahli-ahli PAS.

Beli a u y a k i n sekiranya ahli-ahli PAS benar-benar memahami hakikat UMNO, mereka akan bekerjasama dengan UMNO kerana sememangnya UMNO sentiasa membuka peluang kerjasama itu.

"Tujuan kita berusaha dan berkeupuan semata-mata bekerja untuk rakyat kerana kita tidak takut untuk diri sendiri. Sesiapa sahaja yang hendak bekerjasama dengan kita kita terima," tambah



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berucap kepada lebih 10,000 rakyat Trengganu setibanya di lapangan terbang Telaga Batin dekat Kuala Trengganu semalam.

beliau. "Pada kita Kerajaan adalah untuk rakyat bukan tuan kepada rakyat," kata Perdana Menteri.

Menyentuh soal kafir mengkafir yang dilemparkan oleh PAS kepada ahli-ahli UMNO, Perdana Menteri berkata: "Soal kafir mengkafir itu bukan pekerjaan manusia. Itu hak Tuhan. Biarlah PAS menuduh kita demikian. Ana saya yakin ahli-ahli UMNO semua tidak akan bersikap seperti PAS.

"M e m a n g n y a setengah pemimpin PAS ini gelojoh sehingga pada satu ketika pernah mereka dikera al-Quran itu perlembagaan parti PAS," tambahnya.

Perdana Menteri seterusnya menasihati ahli-ahli UMNO semuanya jangan terlibat dengan kafir mengkafir ini kerana mereka yang di dalam PAS adalah "saudara-mara UMNO sendiri."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

0492
...man... 236 85